

## Konsep Rayuan Kes dalam Kehakiman Islam

### The Concept of Appeal in Islamic Judiciary

MOHD AFIZUL HAKIM IBAKARIM<sup>1</sup>, MOHD AL ADIB SAMURI<sup>2\*</sup> &  
NOOR AZIAH MOHD AWAL<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding Author ; email: [al\\_adib@ukm.edu.my](mailto:al_adib@ukm.edu.my)

Received: 15 July 2022 /Accepted: 29 November 2022

#### ABSTRAK

*Mahkamah syariah di Malaysia memberikan peluang terhadap pihak yang terkilan dengan keputusan mahkamah rendah membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi. Namun, persoalan sejauh mana rayuan mempunyai asas dalam sistem kehakiman Islam adalah suatu yang wajar untuk dibincangkan. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membahaskan tentang konsep rayuan menurut hukum syarak, menganalisa petikan kes-kes rayuan yang terdapat dalam sumber hukum dan pandangan fuqaha terhadap rayuan dalam kehakiman Islam. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen yang dibuat secara deskriptif. Kajian mendapati perbincangan rayuan oleh fuqaha klasik sangat terhad dan hanya merujuk kepada keputusan yang bercanggah dengan hukum syarak dan pembetulan dibuat oleh hakim kedua. Amalan rayuan di mahkamah syariah pada masa kini telah mengadaptasi prosedur di mahkamah sivil yang membolehkan pihak yang terkilan memfailkan rayuan walaupun keputusan itu tidak bercanggah dengan hukum syarak. Kajian ini penting dalam menunjukkan evolusi sistem kehakiman Islam dalam menegakkan keadilan kepada pihak-pihak yang bertikai.*

*Kata kunci: Rayuan; Mahkamah Syariah; Hukum Syarak; Kes-Kes Rayuan; Fuqaha*

#### ABSTRACT

*Syariah courts in Malaysia allow aggrieved parties to appeal lower court decisions to a higher court. Nonetheless, the question of whether appeals have a basis in the Islamic judicial system should be studied. Therefore, this article seeks to discuss the concept of appeal according to Islamic law, analyze excerpts of cases of appeal found in legal text sources, and analyze the views of jurists regarding appeal in the Islamic judiciary. A descriptive document analysis is employed in this study. The study found that appeal cases that were already decided were rarely discussed. Traditionally, classical jurists had only addressed appeals of decisions made that were contrary to Islamic principles, and the second judge could amend the decision after the appeal. Shariah courts in the present have adopted the procedure of civil courts, which allows the aggrieved party to appeal even if the ruling does not contradict shariah. This study is important as it shows the evolution of the Islamic judicial system in upholding justice for the disputing parties.*

*Keywords: Appeals; Sharia Court; Islamic law; Appeal Cases; Islamic jurists*

## PENGENALAN

Perundangan Islam memperuntukkan prosedur rayuan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan selari dengan tuntutan hukum syarak. Rayuan merupakan salah satu cara yang praktikal untuk menilai dan menyemak semula keputusan mahkamah. Pengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah dapat diterjemahkan sebagai penelitian semula kehakiman yang dikemukakan oleh pihak yang tidak berpuas hati, kepada mahkamah yang lebih tinggi. Artikel ini bertujuan menganalisis pandangan hukum syarak terhadap konsep dan amalan rayuan dalam sistem kehakiman Islam di Malaysia. Sehubungan itu, artikel ini menganalisa dalil dan contoh petikan kes rayuan yang terdapat dalam teks perundangan Islam atau sumber hukum untuk dijadikan kerangka kepada perbincangan dalam artikel ini tentang keharusan melaksanakan prosedur rayuan dalam kehakiman Islam.

Kajian terdahulu telah membincangkan secara perbandingan di antara rayuan di mahkamah syariah dan di mahkamah sivil (Syed Abdul Rahman 1998; Abdullah 1999) dan konsep dan prosedur pelaksanaan rayuan di mahkamah syariah (Razali 2001; Bahari 1996). Kajian lepas tersebut tidak mengkhususkan kepada dalil dan pandangan fuqaha yang hendak dibincangkan oleh penulis dalam artikel ini, tetapi memberi fokus kepada konsep pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah. Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan kelompangan tersebut dan menganalisa sejauh mana rayuan ini diterima oleh hukum syarak dan para fuqaha.

## KONSEP RAYUAN DALAM SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

Rayuan dari segi istilah syarak banyak disebut dalam kitab-kitab fiqh, tetapi penggunaannya lebih banyak kepada dalam bab-bab berkaitan dengan ibadah (Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait 1983). Namun begitu, dalam bidang kehakiman Islam, kitab-kitab fiqh tidak menyatakan lafaz rayuan dengan pengertian penyambungan (rayuan) keputusan, disebabkan tidak pernah digunakan oleh ulama fiqh berkenaan istilah rayuan ini. Ulama fiqh mengistilahkan dengan lafaz yang lain, sebagai contoh; mempertahankan, ia boleh terjadi sebelum jatuhnya keputusan atau selepas dari orang yang didakwa dengan tujuan menolak dan menggugurkan pendakwaan (Haydar 1996). Fuqaha

telah mengistilahkan rayuan adalah pembatalan keputusan atau menghapuskannya atau menolaknya (Ibn Farqun 2003).

Rayuan merupakan satu cara untuk mempertahankan diri daripada keputusan yang telah dijatuhkan oleh mahkamah dengan menilai atau memperbetulkan semula hukuman yang telah diputuskan (Ibn Urnus 1934; Ismail 2012). Selain itu, ulama mentakrifkan rayuan sebagai ketidakpuashatian pihak-pihak terhadap keputusan yang diputuskan oleh mahkamah pertama dan mengemukakan keputusan tersebut ke mahkamah kedua sama ada untuk mengekalkan atau membatalkan atau mengubah keputusan mahkamah pertama (al-'Abudī 2009; Abu Basil 1990; al-Amrusī 2005; al-Khurī 1987; Najib 2013; Al-Zuhaylī 1425; Makhlūf 2013). Ini kerana mahkamah kedua atau mahkamah rayuan mempunyai pengalaman yang luas serta kefahaman yang teliti dalam menyelesaikan sesuatu kes serta mempunyai lebih banyak bilangan hakim yang bersidang kerana pendapat berkumpulan selalunya lebih kuat daripada pendapat individu. Dalam pada itu, keputusan hukuman mestilah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa kehakiman (Ibnor Azli, Wafaa' & Md. Yazid 2005). Rayuan adalah salah satu cara atau ruang yang terbaik bagi pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah peringkat pertama. Pihak yang tidak berpuas hati tersebut boleh mengemukakan satu proses tuntutan baru atau permohonan baru sama ada melalui wakil yang dilantik atau tanpa wakil ke mahkamah yang lebih tinggi untuk meneliti dan menilai semula keputusan yang diputuskan oleh mahkamah peringkat pertama.

Dalam konteks ini, mahkamah peringkat kedua boleh meneliti dan menyemak semula keputusan tersebut dengan mengambil kira pelbagai pandangan yang ada dalam perbahasan fiqh. Mahkamah peringkat kedua atau mahkamah yang mendengar rayuan tersebut boleh membuat keputusan sama ada mengekalkan keputusan perintah hakim mahkamah pertama atau meminda apa-apa keputusan sama ada semua keputusan atau sebahagian dari mana-mana keputusan atau memerintahkan perbicaraan semula di hadapan hakim mahkamah pertama atau membuat perintah baharu yang berkaitan dengan keputusan yang dirayu atau memerintahkan perbicaraan semula di hadapan hakim mahkamah rendah yang lain. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak yang tidak berpuas hati untuk mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Dengan keputusan yang dikeluarkan

oleh mahkamah peringkat kedua, ia dapat memberi kelegaan kepada pihak perayu untuk melaksanakan keputusan tersebut atau sebaliknya.

Proses rayuan juga memberi kelebihan dan manfaat kepada pihak yang bertikai. Apabila hakim rayuan bersidang dengan jumlah lebih besar, keputusan secara berkumpulan selalunya lebih kuat daripada keputusan yang dibuat secara individu. Keputusan hakim secara berkumpulan kebiasaannya jauh dari segala kepentingan atau hubungan dengan masyarakat berbanding keputusan hakim secara individu. Apabila bilangan hakim mahkamah rayuan lebih ramai berbanding hakim mahkamah rendah terdapat kelebihan yang ada pada hakim rayuan ini dan membuat keputusan mereka lebih diutamakan. Di samping itu, hakim-hakim mahkamah rayuan wajib menimbang pendapat-pendapat yang ada berdasarkan luasnya ilmu pengetahuan mereka, kerana mereka lebih berusia dan lebih lama berkecimpung dalam bidang pengadilan dan kehakiman Islam (Abu Basal 1990).

#### ASAS-ASAS RAYUAN DALAM SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

Terdapat beberapa dalil umum di dalam al-Quran, al-Hadith dan istidlal yang berkisar mengenai rayuan dalam Islam. Terdapat dua dalil umum yang menjadi sandaran kepada kewujudan rayuan di dalam al-Quran:

Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu), “Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kami ingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik. Sesungguhnya kami sekarang telah yakin.” (al-Quran, 32:12)

Berdasarkan kepada ayat di atas, ulama tafsir menyatakan bahawa orang kafir telah membuat pengakuan atas kesalahan yang telah mereka lakukan. Kemudian mereka merayu kepada Allah untuk dikembalikan ke dunia, agar dapat menjadi orang yang beriman dan berjanji untuk tidak mengulangi kekufuran mereka (al-Qurtūbī 1996). Berdasarkan ayat dan tafsir tersebut, terdapat rayuan daripada orang kafir kepada Allah SWT untuk dikembalikan ke dunia untuk melakukan amal kebajikan. Selain itu, al-Quran juga merakamkan:

Dan kami kuatkan kerajaan-Nya, serta kami kurniakan kepadanya hikmah kebijaksanaan dan kepetahan berkata-kata (dalam menjalankan hukum dan menjatuhkan hukuman (Al-Quran, 38:20).

Dalam ayat ini, Ibn Kathīr (1988) telah mentafsirkan frasa *wa'atainahu al-hikmah* sebagai pemahaman akal fikiran dan kepandaian serta kebijaksanaan dan keadilan. Selain itu, bagi frasa *wa fasl al-khitab*, bermaksud tepat dalam memutuskan keadilan dan memahami. al-Ṭabarī (2000) telah mentafsirkan frasa itu sebagai membuat keputusan perbicaraan. Contohnya, hakim membuat keputusan yang benar antara pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa. Hakim memutuskan perbicaraan, dan pihak yang dihakimi hendaklah melaksanakan perkara yang telah diputuskan oleh hakim tersebut. Begitu juga halnya dengan pihak pendakwa, yang mana tanggungjawabnya adalah mengemukakan bukti. Sekiranya ia terdakwa, maka kewajipannya adalah bersumpah sekiranya diminta untuk bersumpah. Hakim mempunyai kuasa untuk memutuskan sesuatu perbicaraan dan memberikan keputusan. Namun demikian, kesilapan atau kesalahan dalam memutuskan sesuatu keputusan boleh sahaja berlaku. Sekiranya ini berlaku, permohonan rayuan boleh dibuat.

Berdasarkan kepada ayat di atas, apabila hakim menyelesaikan masalah, pihak yang berkewajipan perlu akur dan mengikut perintah yang telah ditetapkan. Sekiranya salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah, pihak tersebut diberi peluang untuk merayu keputusan tersebut jika terdapat kesilapan dari segi hukum syarak atau undang-undang. Mahkamah tertinggi perlu bersidang untuk meneliti perkara yang diperselisihkan. Sama ada keputusan dikekalkan atau dibatalkan, keputusan rayuan tersebut perlulah dibuat mengikut hukum syarak.

Selain itu, Rasulullah SAW telah bersabda sebagaimana berikut:

Dari Ali r.a. dia berkata, “Rasulullah SAW mengutusanku ke Yaman. Setelah kami sampai pada suatu kaum yang sedang membuat lubang untuk berlindung dari singa, ketika mereka sedang menunggu, mereka saling berhimpit, maka terjatuhlah salah seorang daripada mereka sambil berpegang kepada yang lain sehingga mereka seramai empat orang jatuh dan singa tersebut mencederakan mereka. Seorang daripada mereka membaling tombaknya ke arah singa itu dan membunuhnya. Empat orang yang berada di dalam lubang tersebut meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami. Kemudian kabilah pertama datang kepada kabilah yang lain dan mengeluarkan senjata untuk saling membunuh. Pada ketika itu datanglah Ali r.a. kepada mereka dan berkata, “Apakah kalian akan berperang sementara Rasulullah SAW masih hidup? Sesungguhnya aku

akan memutuskan perkara di antara kalian jika kalian redha dan itu merupakan sebaik-baik keputusan. Tetapi sekiranya tidak, maka masing-masing harus menahan diri hingga bertemu dengan Rasulullah SAW. Beliau sementara itu kemudiannya memutuskan untuk mereka, dan barangsiapa melampaui batas setelah itu maka tidak ada hak baginya; kumpulkanlah  $\frac{1}{4}$  diyat,  $\frac{1}{3}$  diyat,  $\frac{1}{2}$  diyat dan diyat penuh dari kabilah-kabilah orang yang menggali lubang." Orang yang pertama mendapat bahagiannya sebanyak  $\frac{1}{4}$  diyat kerana beliau menyebabkan kebinasaan orang yang berada di atasnya, orang yang kedua pula mendapatkan bahagiannya sebanyak  $\frac{1}{3}$  diyat, sementara orang yang ketiga mendapat bahagiannya sebanyak  $\frac{1}{2}$  diyat. Namun mereka menolak dan tidak redha akan keputusan tersebut dan mereka berjumpa dengan Rasulullah SAW di Mekah di mana baginda ketika itu berada di maqam Nabi Ibrahim a.s. Mereka seterusnya menceritakan kepada baginda Rasulullah SAW ketidakpuasan hati mereka, dan baginda Rasulullah SAW menjawab, "Aku akan memutuskan perkaranya di antara kamu." Dalam keadaan baginda Rasulullah SAW duduk mendepak lututnya, maka salah seorang dari mereka berkata, "Sesungguhnya Ali r.a. telah memutuskan perkara kami" dan mereka menceritakan kisah mereka dengan panjang lebar. Baginda Rasulullah SAW mempersetujui keputusan tersebut. (Ibn Hanbal. Ahmad ibn Hanbal. Musnad Ahmad ibn Hanbal. Kitab Musnad al-Asarah al-Mubasyirin bi al-Jannah. Bab musnad Ali bin Abu Thalib r.a.).

Menurut al-Shawkani (1993), Ali r.a. telah membuat keputusan bahawa orang pertama mendapat  $\frac{1}{4}$  diyat kerana telah jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan kematian seramai tiga orang. Orang kedua mendapat sebanyak  $\frac{1}{3}$  diyat kerana jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan kematian dua orang dan bagi orang yang ketiga pula mendapat sebanyak  $\frac{1}{2}$  diyat kerana jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan satu kematian; sementara orang yang keempat mendapat satu diyat penuh. Ali r.a. kemudian menyatakan, "Aku menetapkan diyat ini kepada semua yang berada di tepi telaga itu." Kemudian mereka mengadakan hal ini kepada Rasulullah SAW. Maka baginda Rasulullah SAW pun bersabda, "Keputusanku adalah seperti yang telah diputuskan oleh Ali r.a.."

Berdasarkan kepada hadis di atas, sekiranya dianalisa dari sudut rayuan, dapat disimpulkan bahawa Ali r.a. telah mengeluarkan keputusan kepada pihak yang bertikai dalam kes tersebut, tetapi Ali r.a. telah memberi peluang kepada kabilah yang tidak berpuas hati dengan keputusannya untuk bertemu dengan Rasulullah SAW bagi mengukuhkan keputusan yang dikeluarkan oleh beliau. Ini menunjukkan bahawa pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat rayuan terhadap sesuatu keputusan hakim. Di dalam hal seperti ini, diandaikan bahawa hakim yang lebih berpengalaman boleh membantu kesemua pihak mendapatkan keadilan. Selain daripada pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang diputuskan, rayuan juga boleh dibuat terhadap keputusan hakim

yang bercanggah dengan hukum syarak yang jelas (Farīd Muhammad Wasīl 1983). Oleh itu, adalah perlu untuk mahkamah mengisytiharkan sesuatu keputusan hakim yang salah sebagai tidak sah melalui prosedur rayuan, kerana ia tidak akan lupus atau secara automatik menjadi tidak sah melainkan setelah diketepikan oleh seorang hakim yang lebih tinggi kedudukannya (Ghulam Murtaza Azad 1987). Apabila seseorang hakim mengeluarkan keputusan berdasarkan ijtihadnya tetapi telah tersalah, keputusan yang dicapainya dianggap sah dan boleh dikuatkuasakan. Dengan kata lain, kesilapan dalam ijtihad tidak menjejaskan kredibiliti atau integriti hakim. Tetapi ijtihad atau keputusan tersebut boleh diubah oleh mahkamah yang lebih tinggi sekiranya keputusan tersebut tidak menepati hukum syarak.

Selain itu, apa-apa keputusan yang bertentangan dengan hukum syarak adalah tertolak dan terbatal. Ini berdasarkan kepada satu hadis yang dilaporkan oleh Aisyah bint Abu Bakr, Rasulullah SAW telah bersabda, "Barangsiapa mengamalkan suatu perkara yang tidak kami perintahkan, maka ia tertolak." (Muslim bin al-Hujjaj al-Qushayri. Sahih Muslim. Kitab al-Aqadiyat. Bab naqd al-Ahkam al-batilat warad muhadathat al-'Umu). Oleh itu, al-Nawawī menyatakan, setiap keputusan mahkamah yang melanggar syarak dan melanggar peraturan amnya hendaklah dibatalkan. al-Nawawī (1932) berhujah, "Pintu untuk membatalkan keputusan yang tidak sah dan mengembalikan semula kes dalam bentuk perbicaraan." Dalam konteks hadith ini, ia menerangkan bahawa keputusan yang tidak sah dan bertentangan dengan syarak hendaklah dibatalkan. Pada masa kini, kepentingan mensyaratkan bahawa badan kehakiman perlu ada untuk memantau keputusan hakim kerana peredaran masa dan ilmu.

#### PETIKAN KES-KES RAYUAN DALAM SUMBER HUKUM

Berdasarkan al-Quran, hadis dan juga athar para sahabat, didapati terdapat beberapa contoh kes yang menunjukkan rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang telah dibuat oleh hakim disebabkan beberapa alasan tertentu. Perlu dijelaskan bahawa teks perundangan ini tidaklah menyebut individu tertentu sebagai hakim, namun dapatlah difahami daripada maksud keseluruhan riwayat itu bahawa individu tersebut telah melaksanakan peranan sebagai hakim. Perbincangan di sini mengemukakan empat contoh iaitu melibatkan kisah Nabi Daud a.s



dengan anaknya Nabi Sulaiman a.s, seorang wanita kematian anak, seorang penyair Rasulullah SAW dan juga seorang wanita gila yang berzina.

Al-Quran menyatakan contoh kes rayuan antara kisah Nabi Daud a.s dengan anaknya Nabi Sulaiman a.s yang bertindak menghakimi hak pihak-pihak yang bertikai melalui sistem perbicaraan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah SWT sebagaimana berikut:

Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Daud a.s dengan Nabi Sulaiman a.s, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka. Maka kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak) (al-Quran, 21:78-79).

Al-Ṭabarī (2000) menerangkan bahawa keputusan Nabi Daud a.s dan Nabi Sulaiman a.s berkenaan kes binatang peliharaan satu pihak telah memasuki ke kebun pihak satu lagi yang merosakkan tanaman (pokok anggur) pada malam hari. Pemilik kambing dan pemilik kebun tersebut telah berjumpa dengan Nabi Daud a.s. Kemudian Nabi Daud a.s membuat keputusan bahawa kambing tersebut menjadi hak milik kepada pekebun tersebut dan mereka berdua pun terus pulang selepas keputusan dibuat. Dalam beberapa hari, mereka berdua berjumpa dengan Nabi Sulaiman a.s, maka Nabi Sulaiman a.s pun terus berkata, “Bagaimana Nabi Allah memberikan keputusan kepada kalian?” Kemudian mereka berdua pun menjawab, “Nabi Allah memutuskan bahawa kambing tersebut menjadi hak milik pekebun.” Lalu Nabi Sulaiman a.s pun berkata, “Sepatutnya keputusan bukan begitu, kamu berdua mari ikut aku,” kata Nabi Sulaiman a.s kepada mereka berdua. Nabi Sulaiman a.s terus berjumpa dengan bapanya dan berkata, “Wahai Nabi Allah apakah engkau memutuskan kambing tersebut menjadi milik pekebun tersebut?” Kemudian Nabi Daud a.s menjawab, “Ya.” Nabi Sulaiman a.s terus berkata, “Wahai Nabi Allah, semestinya keputusan tersebut bukan demikian.” Nabi Daud a.s berkata, “Bagaimana wahai anakku?” Nabi Sulaiman a.s berkata, “Engkau memberikan kambing tersebut kepada pemilik kebun, pemilik kebun tersebut boleh mengambil susunya, minyak lemaknya dan bulunya. Kemudian, berikan kebun tersebut kepada pemilik kambing agar ia menguruskan kebun dan setelah tanaman kembali seperti sedia kala sebelum dirosakkan oleh kambing-kambingnya, kambing tersebut mesti diberikan kepada pemiliknya dan kebun tersebut mestilah dipulangkan kepada pemiliknya.”

Nabi Daud a.s kemudian berkata, “Semoga Allah SWT tidak memurkai bicaramu.” Nabi Daud a.s pun memutuskan seperti keputusan Nabi Sulaiman a.s.

Berdasarkan kepada kisah di atas, Nabi Daud a.s membicarakan pertikaian di antara pemilik kambing dan pemilik kebun. Pada awalnya, Nabi Daud a.s telah memutuskan bahawa kambing tersebut menjadi hak milik tukang kebun. Bagaimanapun, kes itu dibicarakan semula oleh Nabi Sulaiman a.s yang tidak bersetuju dengan keputusan tersebut dan memutuskan penghakiman yang tepat kepada pihak-pihak bertikai.

Kes rayuan di dalam hadis boleh dilihat sebagaimana yang dilaporkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda sebagaimana berikut:

“Dahulu ada dua wanita bersama kedua anaknya. Seekor serigala datang dan memakan salah satu dari kedua anak tersebut. Wanita pertama mengatakan, “serigala itu memakan anakmu.” Wanita kedua mengatakan, “Serigala itu memakan anakmu, bukan anakku.” Kedua wanita itu terus mengadukan perkaranya kepada Nabi Daud a.s, dan Nabi Daud a.s memutuskan bahawa bayi yang masih ada adalah milik wanita yang tua. Kemudian kedua-dua pihak menemui Nabi Sulaiman a.s dan mengemukakan kesnya. Nabi Sulaiman a.s mengatakan, “Beri aku pisau, bayi ini akan kubelah menjadi dua, satu untukmu dan satu untukmu!” Wanita yang muda berkata, “Jangan kau lakukan, kiranya Allah SWT merahmatimu, bayi ini miliknya.” Maka Nabi Sulaiman a.s memberikan bayi itu kepada wanita yang muda. (al-Bukhariy. Sahih al-Bukhari. Kitab Hadith al-Anbiya’. Bab Qaulu Allah Ta’alah wa wahabna li Daud Sulaiman)

Menurut Ibn Hajar Al-‘Asqalānī (1999), hadith ini berkaitan kisah dua orang perempuan yang masing-masing membawa anaknya, kemudian serigala menangkap salah seorang anak tersebut. Kemudian mereka berdua berselisihan mengenai anak siapakah yang hilang, maka mereka berdua menuntut keadilan dari Nabi Daud a.s. Kemudian, Nabi Daud a.s telah membuat keputusan bahawa anak tersebut milik wanita tua. Kemudian mereka berdua bertemu dengan Nabi Sulaiman a.s untuk membicarakan kes mereka buat kali kedua. Nabi Sulaiman a.s telah membuat keputusan bahawa anak tersebut milik wanita muda. Berdasarkan kepada kes tersebut, ulama mengatakan bahawa hakim boleh membatalkan apa yang telah diputuskan oleh hakim yang lain yang setaraf dengannya atau lebih kanan apabila terdapat keperluan.

Kes rayuan telah berlaku pada zaman khalifah Uthman r.a, yang melibatkan salah seorang penyair Rasulullah SAW iaitu Hassan bin Thabit telah terlibat dengan sesuatu pertikaian dengan beberapa orang. Kes tersebut telah dibicarakan di hadapan Uthman r.a dan satu keputusan telah diputuskan oleh beliau ke atas

Hassan bin Thabit, akan tetapi keputusan tersebut telah tidak dipersetujui oleh Hassan bin Thabit. Kemudian Hassan bin Thabit telah bertemu dengan Abdullah bin Abbas dan menceritakan tentang rasa terkilan beliau terhadap keputusan yang diputuskan oleh Uthman r.a. Lantaran itu, Abdullah bin Abbas berkata, “Kebenaran itu adalah hak kamu, tetapi kamu telah tersilap dalam memberikan hujah. Oleh itu, serahkanlah kepadaku untuk berhujah dengan Uthman r.a.” Setelah Abdullah bin Abbas menemui Uthman r.a dan berhujah mengenai kes tersebut bagi pihak Hassan bin Thabit, Uthman r.a membuat keputusan bahawa Hassan bin Thabit tidak bertanggung (Zafir al-Qāsimī 1977).

Berdasarkan kepada kes tersebut, proses rayuan telah berlaku pada zaman sahabat apabila Hassan bin Thabit tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Uthman r.a berkaitan perselisihan beliau dengan beberapa orang. Kemudian Abdullah bin Abbas telah mewakili Hassan bin Thabit untuk bertemu dengan Uthman r.a bagi mengemukakan hujah. Kemudian setelah Abdullah bin Abbas berhujah dengan Uthman r.a dan membuat pertimbangan, maka Uthman r.a memutuskan bahawa Hassan bin Thabit tidak bertanggung. Ini juga menunjukkan keputusan pertama dalam sesuatu kes boleh diubah oleh hakim kedua.

Seseorang hakim berhak untuk membatalkan keputusan apabila didapati berlaku kesilapan dalam keputusannya. Keharusan ini membuktikan kebebasan seseorang hakim itu di dalam institusi kehakiman yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Terdapat satu kes iaitu Ali r.a. pernah mempersoalkan hukuman rejam ke atas seorang wanita gila yang berzina. Umar r.a. sebagai hakim ketika itu telah menjatuhkan hukuman kepada wanita tersebut. Walau bagaimanapun, selepas mendengar hujah Ali r.a., maka Umar r.a. telah menarik kembali keputusan tersebut sebagaimana athar berikut:

Seorang wanita gila yang melakukan zina dihadapan ke hadapan Umar dan Umar r.a. kemudiannya meminta pendapat orang lain. Kemudian dia memerintahkan agar wanita itu direjam. Wanita itu lalu dibawa ke Ali r.a., dia bertanya, “Ada apa dengan wanita ini?” Orang menjawab, “Wanita gila dari bani fulan, ia telah berbuat zina.” Dan Umar r.a. memerintahkan agar ia direjam sahaja. Ibnu Abbas berkata, Ali r.a. kemudian berkata, “Bawalah ia kembali.” Ali r.a. lantas mendatangi Umar r.a. dan berkata, “Wahai Amirul Mukminin, tidakkah engkau tahu bahawa pena pencatat amal itu diangkat dari tiga golongan manusia, orang gila hingga ia sembuh, orang tidur hingga ia terbangun dan anak kecil hingga ia baligh?” Umar r.a. menjawab, “Tentu.” Kemudian Ali r.a. bertanya lagi, “Lalu kenapa wanita ini dihukum rejam?” Umar r.a. menjawab, “Tiada apa-apa.” Ali r.a. berkata, “Lepaskanlah dia.” Ibnu Abbas berkata, “Umar r.a.

kemudian membebaskan wanita tersebut. Lalu Umar r.a. pun bertakbir.” (Abu Dawud. Sunan Abu Dawud. Kitab al-Hudud. Bab fi al-Majnun yasriq au Yusibu Haddan)

Sebagaimana athar sahabat di atas, sesuatu keputusan yang salah boleh dibatalkan, dirayu atau disemak semula. Setelah Umar r.a. menyedari akan kesilapannya dalam membuat keputusan, maka beliau telah menarik balik keputusan hukuman rejam ke atas wanita tersebut berdasarkan kepada hujah daripada hadith Rasulullah SAW yang dibawa oleh Ali r.a. Berdasarkan kepada athar tersebut, terdapat dua syahid dalam hadis ini. Syahid disini bermaksud fokus yang penting dalam memberikan makna dalam sesuatu hadis atau dengan erti kata lain menguatkan teks (matan) hadis dengan matan hadis yang lain yang berbeza secara lafaz tetapi mempunyai persamaan dari segi makna. Syahid pertama ialah *fa'amara biha Umar an turjam* yang bermaksud Umar r.a. telah memerintahkan ke atas wanita itu direjam. Ini telah menunjukkan keputusan pertama Umar r.a. yang menjatuhkan hukuman rejam ke atas wanita tersebut. Syahid yang kedua pula ialah *fa'arsilha* yang bermaksud bebaskanlah wanita itu. Syahid ini menunjukkan bahawa Umar r.a. telah mendengar rayuan bagi pihak wanita itu yang dikemukakan oleh Ali r.a dan membebaskannya.

Berdasarkan kepada athar di atas, Ali r.a. boleh dianggap berperanan sebagai peguam kepada wanita tersebut dan membentangkan hujahnya agar keputusan Umar r.a. dapat dirayu dan dipertimbangkan semula. Ali r.a. menggunakan dalihan bahawa wanita itu adalah gila yang tidak mukallaf dan tidak bertanggung dengan jenayah yang dilakukan. Ini merupakan shubhah yang boleh mengakibatkan hukuman hudud tidak boleh dikenakan kepada pesalah. Tindakan Umar r.a. membatalkan keputusan tersebut menunjukkan bahawa keputusan hakim boleh dirayu semula. Umar r.a. sebagai khalifah ketika itu merupakan hakim tertinggi yang membicarakan kes tersebut dan tiada hakim lain yang lebih tinggi daripada Umar. Sehubungan itu, Umar sekali lagi mendengar kes yang sama tetapi dengan hujahan pembelaan yang baru daripada Ali r.a.

## RAYUAN MENURUT PANDANGAN FUQAHA

Dalam sistem kehakiman Islam, para fuqaha mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai keharusan rayuan dalam kehakiman Islam. Di samping itu, para fuqaha juga tidak membezakan

antara rayuan dan semakan sehinggakan perbahasan mereka bercampur baur. Keputusan seorang hakim boleh dirayu atau diubah oleh hakim yang lebih tinggi sekiranya terdapat kesalahan pada keputusannya (Fathi Uthman t.th). Terdapat empat perbezaan pendapat di kalangan ulama daripada mazhab terkemuka berkaitan isu ini. Menurut al-Sarakhsī (2000) daripada mazhab Hanafi, keputusan seseorang hakim yang bercanggah dengan pandangan ulama boleh dirayu kepada hakim yang lain yang boleh mengubah keputusan tersebut. Ibn Abidin (1978) menyatakan bahawa keputusan yang tidak bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah boleh dibatalkan menerusi rayuan. Selain itu, al-Syaibani memetik risalah Umar r.a sewaktu menerangkan konsep rayuan sebagaimana berikut:

Maksudnya: “Dan tidaklah menghalang kamu oleh sesuatu keputusan yang telah kamu putuskan pada hari ini, maka boleh kamu menilai semula padanya dengan akalmu.”

Dalil di atas menunjukkan keharusan untuk mengubah dan membatalkan keputusan hakim yang bercanggah dengan nas syarak atau ijma ulama (al-Sarakhsī, t.th). Hakim pertama perlu menjelaskan alasan penghakimannya kepada hakim kedua, dan dalam kes keputusan yang bertentangan nas syarak dan ijma, maka keputusan tersebut hendaklah diubah (al-Haskafi 1966). al-Zaila melaporkan bahawa Umar r.a telah menugaskan Abu Darda r.a untuk menguruskan kehakiman:

“Maka telah datang kepada Abu Darda dua orang lelaki yang dalam pertikaian, maka Abu Darda menghakimi mereka. Kemudian lelaki yang menerima keputusan itu datang kepada Umar r.a, maka Umar r.a bertanya kepadanya dan lelaki itu menjawab, “Abu Darda memberi keputusan ke atas aku.” Maka Umar r.a menjawab, “Sekiranya aku yang menghakimi, aku tidak akan menghukum kamu.” Maka berkata lelaki yang menerima keputusan itu, “Apa yang menghalang kamu untuk mengubah keputusan Abu Darda tadi?” Maka Umar r.a menjawab, “Di sini tiada dalil yang jelas dan pandangan dalam bab ini berlaku kekhilafan” (al-Zaila (t.th).

Manakala, menurut Ibn Farhun (2003) daripada mazhab Maliki, hakim yang kedua boleh mengubah keputusan hakim yang pertama. Menurut beliau lagi, terdapat empat keadaan yang membolehkan keputusan seorang hakim itu diketepikan, iaitu keputusan tersebut bertentangan dengan ijma, kaedah-kaedah nas yang jelas atau qias serta sekiranya hakim itu berlaku zalim ketika membuat keputusan. Di samping itu, ulama mencadangkan rayuan boleh dibuat kepada hakim ketiga untuk mengubah keputusan hakim kedua yang tersilap di dalam keputusannya

(al-Qarrāfi 1346H). Pendapat yang sama dipersetujui oleh al-Ramli (1964) daripada mazhab Shafie yang menyatakan bahawa ijihad hakim yang berlawanan dengan nas dan ijma boleh diubah oleh hakim yang lain. Apabila seorang hakim itu membuat keputusan berdasarkan ijihadnya yang didapati berlawanan dengan nas syarak, ijma ulama serta qias, maka wajib diketepikan keputusan tersebut kerana jelas terbatal (al-Mahali 2013). Keputusan yang bersifat menindas adalah dianggap terbatal dan tidak sah dan rayuan boleh dibuat terhadap keputusan tersebut dan kerajaan bertanggungjawab mengubah keputusannya (Farid Muhammad Wasil 1983). Pada masa yang sama, pada pandangan mazhab Hanbali, keputusan yang diputuskan oleh seorang hakim kepada pihak-pihak bukan suatu yang muktamad, dan pihak-pihak yang tidak berpuas hati diberi peluang untuk membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi. Menurut Ibn Qudamah (1972), kesilapan dalam keputusan hakim pertama yang berlawanan dengan nas dan ijma, atau keputusan tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka keputusan hakim pertama itu wajib diketepikan menerusi rayuan. Terdapat beberapa riwayat daripada amalan para sahabat r.a. yang menunjukkan bahawa diharuskan untuk memfailkan kes sekali lagi dengan hakim yang lain apabila terdapat sebab yang membolehkan (al-Dar’an 1413H).

Dalam kes lain, Ibn Qudamah (1972) merujuk kepada satu riwayat di mana Shuraih telah membuat keputusan melibatkan perebutan harta pusaka di antara dua kerabat sepupu lelaki kepada si mati. Salah seorang daripadanya adalah abang saudara lelaki seibu. Dia memberi keputusan bahawa harta tersebut akan diwarisi oleh abang saudara lelaki seibu. Kes ini dibawa untuk rayuan kepada Ali r.a. dan beliau berkata, “Bawa Shuraih kepada aku” dan Shuraih dibawa kepadanya. Kemudian, Ali r.a. bertanya lagi, “Di mana surah dan ayat al-Quran yang memberikan kamu keputusan itu?” Shuraih membalas dengan mengatakan bahawa Allah SWT berfirman seperti berikut:

Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, sesetengahnya lebih berhak ke atas sesetengahnya yang (lain) menurut (hukum) kitab Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (al-Quran, 8:75)

Selepas daripada itu, Ali r.a. membalas dengan berkata, “Betul, Allah SWT telah berfirman:

Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan



seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. (al-Quran, 4:12)

Kemudian, Ali r.a. telah mengubah semula keputusan Shuraih. Oleh itu, terdapat pengesahan bahawa Ali r.a. mengubah keputusan Shuraih. Jika telah disahkan bahawa Ali r.a. mengubah keputusan Shuraih, maka boleh diandaikan bahawa Ali r.a. berpendapat bahawa Shuraih telah membuat keputusan yang tidak selari dengan maksud ayat-ayat daripada al-Quran dan disebabkan itu Ali r.a. tidak mempunyai pilihan selain mengubah keputusan tersebut (Ibn Qudāmah 1972). Justeru, dapat dikatakan bahawa peranan ulama mazhab dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam masyarakat dilihat sangat membantu apabila ketiadaan dalil nas daripada al-Quran dan al-Hadith sebagai rujukan selagi tidak bertentangan dengan masalah (Syazwan, Ramalinggam & Asma Hakimah 2021).

#### REFLEKSI DALAM AMALAN MAHKAMAH SYARIAH SEMASA

Berdasarkan kepada pandangan para fuqaha di atas, dapat disimpulkan bahawa rayuan hanya boleh dibuat jika terdapat kesilapan hakim dalam membuat keputusan apabila ia bercanggah dengan al-Quran, as-Sunnah, al-Ijma dan Qias. Penilaian manusia adalah tidak tepat dan mungkin berlaku kesilapan manakala pengetahuan manusia adalah terhad dan tidak sempurna (Nurbazla, Abdul Basir & Ummi Rose 2021). Keputusan tersebut boleh diubah oleh hakim yang kedua atau pihak yang diberi kuasa oleh pemerintah. Namun, apa yang menjadi amalan dan proses rayuan di mahkamah syariah di Malaysia pada hari adalah berbeza dengan apa yang dibincangkan oleh para fuqaha. Dalam konteks kehakiman syariah masa kini, rayuan hanya dikhususkan kepada pihak-pihak yang terkilan dengan keputusan mahkamah dengan membuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi. Sementara itu, sesuatu notis rayuan perlu difailkan di mahkamah yang lebih tinggi dengan merujuk kepada alasan penghakiman yang menyatakan secara ringkas isi keputusan berkaitan dengan rayuan yang hendak dibuat (Suhaizad, Ahmad Azam, Muhamad Helmi & Mohamad Azhan 2021). Semua orang mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang, tanpa mengira pangkat, kedudukan dan kekayaan (Hamdani, Muhamad Helmi & Zinatul 2021). Mahkamah yang lebih tinggi mempunyai pilihan sama ada untuk mengekalkan, mengubah, mengengapikan atau membatalkan keputusan mahkamah lebih rendah.

Tujuan utama rayuan adalah memberikan peluang kepada semua pihak untuk mendapatkan hak didengar oleh mahkamah bagi menegakkan keadilan.

Malahan, keputusan yang dirayu tersebut tidak semestinya bersalahan dengan hukum syarak yang memerlukan mahkamah lebih tinggi untuk memperbaiki atau membetulkannya. Majoriti rayuan yang dibuat lebih kepada untuk mendapatkan hak atau satu keputusan yang dapat memuashatkan pihak-pihak. Malahan, pihak yang menang dalam perbicaraan pertama juga boleh membuat permohonan rayuan atau membuat notis rayuan balas. Contohnya, bagi kes tuntutan mut'ah, plaintif telah memfailkan tuntutan mut'ah sebanyak RM40,000 tetapi mahkamah telah membuat keputusan bahawa defendan perlu membayar RM20,000 sahaja kepada plaintif. Berikutan itu, defendan terkilan dengan keputusan tersebut dan memfailkan notis rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi. Dalam masa yang sama, responden boleh memfailkan notis rayuan balas setelah menerima notis rayuan terhadap keputusan tersebut bahawa jumlah tersebut tidak mencukupi.

Selain itu, rayuan juga boleh dibuat terhadap keputusan mahkamah pertama berkaitan jumlah tuntutan seperti dalam kes berkaitan harta sepencarian. Dalam kes *Norhayati binti Yusof Iwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani*, [2008] JH 33, perayu tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim, Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bahru, Kelantan yang hanya memutuskan  $\frac{1}{4}$  daripada nilai rumah sebagai harta sepencarian. Dalam kes ini terdapat percubaan oleh peguam pihak responden untuk membuat rayuan balas bagi harta alih. Rayuan balas ini bersandarkan kepada fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung dengan wang KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Walau bagaimanapun, cubaan untuk membuat notis rayuan balas ini ditolak oleh panel rayuan. Ini memberikan gambaran bahawa rayuan di mahkamah syariah telah berevolusi daripada apa yang dibincangkan oleh fuqaha. Proses rayuan dan rayuan balas di mahkamah Syariah ini sebenarnya merupakan adaptasi daripada amalan dan prosedur mahkamah sivil. Peminjaman undang-undang sebegini adalah suatu yang telah lama dipraktikkan dalam konteks sistem peradilan Islam di Malaysia.

Apa yang dibincangkan oleh fuqaha klasik sebenarnya dijalankan oleh mahkamah syariah pada hari ini dalam bentuk semakan. Semakan mengkhususkan kepada proses mahkamah membetulkan kesilapan sesuatu keputusan hakim yang bercanggah dengan nas syarak atau undang-undang. Tambahan pula, semakan yang ingin



dikemukakan kepada mahkamah yang lebih tinggi perlu diasaskan kepada perkara-perkara teknikal yang melibatkan prosedur (Wan Azimin, Ahmad Hidayat & Zubaidi 2022). Semakan dan rayuan adalah suatu yang berbeza, iaitu semakan merujuk kepada kesilapan yang terdapat dalam keputusan hakim sama ada dalam hukum syarak dan undang-undang. Manakala, rayuan pula memfokuskan kepada ketidakpuashatian pihak-pihak dalam keputusan yang dikeluarkan tanpa mengira sama ada keputusan itu menyalahi hukum syarak atau tidak.

## KESIMPULAN

Rayuan merupakan satu peluang yang diberikan kepada pihak yang terkilan dengan keputusan mahkamah. Para fuqaha secara umumnya mengkhususkan rayuan hanya boleh dibuat terhadap keputusan hakim yang menyalahi hukum syarak. Rayuan mempunyai asas dalam syarak kerana terdapat beberapa dalil dalam al-Quran, al-Sunnah, istidlal dan athar sahabat serta contoh kes. Secara perbandingan, perbincangan ulama tentang rayuan hanya diaplikasikan dalam amalan semakan di mahkamah syariah pada masa kini, terutamanya apabila terdapat kesalahan dalam keputusan hakim yang bercanggah dengan hukum syarak. Manakala, rayuan di mahkamah syariah pada ketika ini telah mengadaptasi amalan dan prosedur rayuan di mahkamah sivil. Contohnya, rayuan boleh dibuat hanya kerana sesebuah pihak terkilan dengan sesuatu keputusan, sedangkan keputusan itu masih menentangi hukum syarak.

Kajian ini menyumbang kepada penemuan asas syarak bagi rayuan di mahkamah di samping mengenalpasti skop perbincangan ulama tentang rayuan yang dibenarkan dalam sistem kehakiman Islam. Namun, amalan di mahkamah syariah masa kini telah berkembang, melebihi skop rayuan yang dibincangkan oleh fuqaha klasik. Ini menunjukkan bahawa sistem kehakiman Islam bersifat anjal dan progresif dalam menerima pembaharuan undang-undang bagi memantapkan lagi sistem pentadbiran keadilan Islam di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil kajian bagi penghasilan tesis Doktor Falsafah (Undang-Undang) bertajuk, ‘Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia’ dan penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pejabat Menteri Besar Johor atas dermasiswa dan Jabatan Perkhidmatan Awam

atas penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) kepada penulis mulai 1 September 2018 sehingga 28 Februari 2023.

## SUMBANGAN PENGARANG

Pengkonsepan, M.A.H, M.A.S dan N.A.M.A.; metodologi, M.A.H; perisian, M.A.H.; pengesahan, M.A.S.; analisis formal, M.A.H dan M.A.S.; sumber, M.A.H.; penyusunan data, M.A.H, M.A.S; penulisan—penyediaan draf asal, M.A.H.; menulis—menyemak dan menyunting, M.A.S; penyeliaan, M.A.S dan N.A.M.A; pemerolehan pembiayaan, M.A.H. dan M.A.S

## RUJUKAN

- ‘Abbās al-‘Abudī. 2009. *Sharḥ Ahkām Qānūn Uṣūl al-Muḥakamāt al-Madaniyyah*. Jordan: Dār al-Thaqafah.
- Ala al-Din al-Haskafi. 1966. *Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*. Mesir: Dar al-Alamiyyah.
- ‘Abd al-Autwah. 1969. *al-Muḥāḍarah fī Nizām al-Qadā’ fī al-Islām*. Miṣr: Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī wa Awladuh.
- Abdullah bin Abdul Aziz al-Dar’an. 1413H. *Al-Qawaid al’Ijrayiyat fi al-Murafaeat al-Syariyyah*. Riyadh: Maktabah al-Taubah.
- ‘Abd al-Naṣīr, Abul Basal. 1990. *Sharḥ Qānūn Uṣūl al-Muḥakamāt al-Shar‘iyyah*, Cetakan Pertama. Jordan: Dār al-Thaqafah.
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash’ath al-Sajastaniyy al-Azdiyy. t.th. *Sunan Abu Dawud*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Aḥmad Ṣāliḥ Makhḷūf. 2013. *al-Waṣīṭ fī Sharḥ at-Tanzīm al-Qadā’ī al-Jadīd bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah as-Sa’ūdiyyah*. Riyāḍ: Ma‘had al-Idharāt al-Ummah.
- Anwār al-Amrusī. 2005. *Uṣūl al-Murāfa‘at al-Shar‘iyyah fī Masā’il al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. 1997. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Busro Bahari. 1996. Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia: Konsep dan perlaksanaannya: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Tesis Sarjanamuda. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Ju‘fī. 1989. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Farīd Muḥammad Wasīl. 1983. *Al-Sultah al-Qadā’iyyah wa Nizām al-Qadā’ fī al-Islām*. Qāhirah: Matba‘ah al-Amanah.
- Farīs al-Khurī. 1987. *Usul al-Muḥakamāt al-Khuquqiyyah: Darus Nadriyyah wa Amaliyyah*. Jilid 2. Oman: al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Nasr wa al-Tawzīq.
- Fathi ‘Uthman. t.th. *Al-Fikr al-Qanuni al-Islami: Bayn Usul al-Shari‘ah wa Turath al-Fiqh*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Ghulam Murtaza Azad. 1994. *Judicial System of Islam*. Islamabad: Islamic Research Institute.
- Hamdani, Muhamad Helmi Md Said, Zinatul Ashiqin Zainol. 2021. Kesan Hukuman Sebat terhadap Pesalah Jenayah Syariah di Aceh. *Islamiyyat* 43 (Isu Khas) : 79-92.
- Hamid Muhammad Abu Talib. t.th. *al-Tanzim al-Qadai al-*

- Islami*. Mesir: Matbaah al-Saadah.
- Haydar, Alī. 1996. *Durar al- Hukkām fī Sharh Majlati al-Ahkām*. Bayrūt: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin. 1979. *Hashiyat Ibn Abidin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Farqun, Ibrahim ibn Muhammad. 1966. *Tabsīrat al-Hukkām fī Usul al-Aqdiyyah wa Manāhij al-Ahkām*. Qāhirah: Maktabat al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- Ibn Farqun, Ibrahim ibn Muhammad. 2003. *Tabsīrat al-Hukkām fī Usul al-Aqdiyyah wa Manāhij al-Ahkām*. al-Riyad: Dar ‘Alīm al-Kutub.
- Ibn Kathīr, Abū Fidā’ Ismā‘il Ibn ‘Umar, al-Qurshī al-Damashqī. 1988. *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*. Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth.
- Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad al-Maqdisī. 1972. *al-Mughnī*. Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Arab.
- Ibn Jarīr al-Tabari. 2000. *Tafsīr Al-Thabary*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Ibnor Azli Ibrahim, Wafaa’ Yusof & Md. Yazid Ahmad. 2005. Pensyariatan kehakiman menurut syariat Islam. *Islamiyyat* 27 (2): 47.
- Intan Juliana Razali. 2001. *Prosedur Rayuan Mal di Mahkamah Syariah Terengganu*. Tesis Sarjanamuda. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ismail Ibrahim. 2012. *Thuruq al-Tho’n fi al-Ahkam al-Idariyah*. Iskandariah: Darul Fikr al-Jami’i.
- Jalaludīn Muhammad bin Ahmad al-Mahālī. 2013. *Syarh al-Minhāj*. Qāhirah: Drl Ikhiyah al-Kitab al-Arabiyyah
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. 1983. *Ensiklopedia Fiqh Kuwait*. Kuwait: Dar al-Salasil.
- Mahmud Najib. 2013. *Syarh Qanun al-Ijra’at al-Jina’iyyah*. Kaherah: Darul Nahdhah al-Arabiah.
- Mahmud bin Muhammad Ibn ‘Urnus. 1934. *Tarīkh al-Qadhā’ fī Islām*. Qāhirah: al-Matba‘at al-Misriat al-Ahliat al-Hadīth.
- Mohd Nadzri bin Abd Rahman. 2010. *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah*. Nilai: Karya Kreatif Resources.
- Mohd Rahim bin Abdullah. 1999. *Konsep Rayuan Menurut Undang-Undang Sivil, Perbandingan dengan Undang-Undang Islam serta Kajian Beberapa Kes di Negeri Kelantan*. Latihan Ilmiah Diploma. Gombak: Kuliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad bin Bahadir al-Zarkasyi. 1405H. *al-Manthur fī al-Qawaid*. Kuwait: Wazarat al-Awqaf.
- Muhammad Faruq al-Nubhah. 1974. *Nizam al-Hukm fi’l Islam*. Kuwait: Matbu‘at Jami‘ah al-Kuwait.
- Muhammad Faruq al-Nubhan. 1988. *Nizām al-Hukmi fī al-Islām*. Bayrūt: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Naim Yasin. 1984. *Hujjiyatul Hukm al-Qada’i baina Syariah wal Qanun*. Oman: Dar al-Farqun.
- Muslim, Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajjar. 2000. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn Ibn Sharf. 1932. *al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj*. Bayrūt: Dār al-Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Norhayati binti Yusof Iwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani. (2008). *Jurnal Hukum (1)*. Vol 27. hlm 33-50.
- Nurbazla Ismail, Abdul Basir Mohamad & Ummi Rose Azra Mohamad Tajuddin. 2021. Kriteria Pemilihan Saksi Pakar Forensik di Mahkamah. *UUM Journal of Legal Studies*. Vol 12 (2) : 333-352.
- Al-Qarrāfī, Aḥmad Ibn Idris Shihāb al-Dīn. 1346H. *Kitab al-Furūq*. Qāhirah: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Qurtūbī, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari. 1996. *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Cairo: Dar al-Hadis.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Abī al-‘Abbās Aḥmad Ibn Hamzah Ibn Shihāb al-Dīn. 1964. *Nihāyah al-Muḥtāj Ila Sharḥ al-Minhāj*. Miṣr. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Sarakhsiy, Shamsudin Abu Bakar Muhammad bin Ahmad. t.th. *Kitab al-Mabsut*. Mesir: Matba’ah al-Sa’adah.
- Shihab al-Din Abu Ishaq Ibrahim al-Hamawi. 1982. *Kitab Adab al-Qada*. Cetakan Kedua. Damascus: Dar al-Fikr.
- al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1993. *Nail al-Awtar*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Suhaizad Saifuddin, Ahmad Azam Mohd Shariff, Muhamad Helmi Md Said & Mohamad Azhan Yahya. 2021. Kepentingan aspek keterangan dalam penulisan alasan penghakiman kes jenayah syariah di Malaysia: Satu analisis. *Islamiyyat* 43 (Isu Khas) : 67-77
- Syazwan Mohd Yusof, Ramalinggam Rajamanickam & Asma Hakimah Ab. Halim. 2021. Kedudukan keterangan forensik dari sudut fiqh. *Islamiyyat* 43 (Isu Khas) : 55-66.
- Syed Mohd Azmi bin Syed Abd Rahman. 1998. *Appeals Civil Cases: A Comparative Study of Islamic Law and Malaysian law*. Tesis Sarjana. Kuliyyah Undang-Undang. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja’far Muḥammad Ibn Jarīr. 2000. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Qāhirah: Mu’asasah al-Risālah.
- Uthman Ali al-Zaila. t.th. *Tibyan al-Haqaiq Syarh Kanzu al-Daqa’iq*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Wan Azimin Wan Adnan, Ahmad Hidayat Buang & Zubaidi Sulaiman. 2022. Pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes-kes hartanah melalui pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies* 13(2) : 345-371.
- Zafīr al-Qāsimī. 1977. *Nizām al-Hukm fī al-Sharī’ah wa al-Tarīkh*. Bayrūt: Dār al-Nafā’is.
- Al-Zuhaylī, Muḥammad. 1425H. *Uṣūl al-Muḥakamāt al-Sharīyah fī Qawānīn al-Imarāt al-‘Arabiyyah al-Muttaḥidah*. Riyāḍ: Universiti Sharjah.